

05/10/2002

Guru diminta halusi, fahami kebaikan SSM

Syuhada Choo Abdullah

KESATUAN Kebangsaan Guru-guru Lepasan Maktab Semenanjung Malaysia (KKGLMSM) meminta guru menghalusi dan memahami kandungan Sistem Saraan Malaysia (SSM) sebelum membuat keputusan sama ada memilih sistem baru itu atau kekal dalam Sistem Saraan Baru (SSB), sebelum tamat tempoh pemilihan opsyen pada 31 Oktober ini.

Setiausaha Agung KKGLMSM, Awang Mohamad, berkata guru perlu memahami kandungan SSM dengan jelas, terutama dari aspek kesan untung rugi terhadap perjawatan masing-masing, supaya mereka tidak menghadapi sebarang persoalan mahupun masalah serta penyesalan pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau berkata, guru seharusnya memanfaatkan penerangan serta maklumat mengenai sistem baru itu yang disampaikan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam siri 'road show' ke seluruh negara.

Menerusi penerangan itu, katanya, kakitangan awam secara keseluruhan, terutama guru, berpeluang membuat penilaian, perbandingan dan juga kajian sebelum mereka menetapkan keputusan untuk menandatangani opsyen SSM yang akan dilaksanakan mulai bulan depan.

Beliau berkata, langkah itu penting berikutan hasil penelitian KKGLMSM mendapati ada beberapa aspek dalam SSM yang disifatkan sebagai 'merugikan' sebilangan guru walaupun tidak dinafikan golongan pendidik secara keseluruhannya berpeluang menikmati penambahbaikan dari segi perjawatan dan faedah kewangan.

"Salah satu contoh ialah kumpulan guru Gred DG3 pada mata gaji yang hampir maksimum kini berkemungkinan besar akan menikmati kenaikan pangkat ke Gred DG2, sama ada secara perdana ataupun time-based, dalam tempoh terdekat kira-kira dua tahun lagi sekiranya mereka kekal dalam SSB.

"Sebaliknya, jika mereka memilih opsyen SSM, kedudukan sedia ada kumpulan guru berkenaan adalah bersamaan dengan tahap DG41 dan mereka akan memasuki DG44. Ini bermakna mereka terpaksa mengambil masa sehingga 10 tahun untuk menikmati DG48 yang bersamaan dengan Gred DG2 dalam SSB.

"Keadaan itu jelas merugikan kumpulan guru DG3 yang sudah berada pada tahap mata gaji maksimum dalam SSB. Malah, dikhuatiri ada di kalangan mereka yang tidak sempat menunggu sehingga menikmati DG48 kerana bersara wajib," katanya ketika ditemui Berita Harian pada Konvensyen Pendidikan Guru Besar Malaysia Ke-8 dan Persidangan Perwakilan Kebangsaan Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia Kali Ke-20 2002 di Ampang, baru-baru ini.

Secara umum, SSM akan menggantikan SSB mulai 1 November ini dengan memberi lebih banyak faedah, terutama untuk mempertingkatkan kecekapan dan pengetahuan serta peluang pengembangan kerjaya, kepada kira-kira 950,000 kakitangan awam di seluruh negara.

SSM akan memperkenalkan kaedah dan unsur penilaian tahap kecekapan (PTK) melalui peperiksaan atau kursus yang diwajibkan kepada semua kakitangan awam bagi menentukan kemajuan kerjaya dan juga gaji, selain laporan penilaian prestasi tahunan serta perakuan ketua jabatan.

Serentak itu, dua cara pergerakan gaji diperkenalkan, iaitu Pergerakan Gaji Biasa dan Anjakan Gaji. Bagi tahun depan, semua anggota perkhidmatan awam hanya akan diberi Pergerakan Gaji Biasa. Anjakan Gaji berdasarkan PTK yang dihasilkan pada 2003, akan dilaksanakan mulai 2004.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membuat pengumuman berkenaan pada Julai lalu berkata, perkara utama yang diambil kira dalam SSM ialah perasaan tidak puas hati dengan SSB berpunca daripada

penilaian pekerja atau kakitangan oleh ketua jabatan.

Seterusnya walaupun penghasilan SSM adalah penambahbaikan daripada SSB, Awang berkata, pengenalan PTK yang diwajibkan ke atas semua kakitangan awam secara tidak langsung semakin menyusahkan mereka berbanding sistem sedia ada..

Selain itu, apabila beralih kepada SSM kelak, beliau berkata, kumpulan guru Gred DGA5 pada mata gaji P2 didapati akan menikmati lebih keuntungan dengan mata gaji lebih besar daripada kumpulan guru Gred DGA4 pada mata gaji P1 yang rata-ratanya adalah guru besar dan penyelia sekolah.

"Ini bukan soal masalah tetapi menyentuh dari segi mereka yang berada pada gred jawatan lebih tinggi mendapat mata gaji lebih rendah.

"Sehubungan itu, KKGLMSM menyeru semua guru dalam kumpulan terbabit membuat penilaian kandungan SSM yang sudah diedarkan oleh Kementerian Pendidikan bersama JPA dalam `road-show' supaya benar-benar memahami untung rugi dan tidak timbul masalah kemudian hari.

"Selain itu, pihak kesatuan juga meminta JPA supaya meneliti perkara berkenaan dan memberikan penjelasan lebih lanjut dengan seberapa segera," katanya.